

**TEKS UCAPAN**  
**NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS (UniMAP)**  
**BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN**  
**SEMPENA SAMBUTAN AIDILFITRI**  
**PUSAT TEKNOLOGI KOMUNIKASI DAN PEMBANGUNAN INSAN 2011**  
**PADA 27 SEPTEMBER 2011**

Bismillahirrahmanirrahim...

Assalamualaikum dan Salam Perpaduan.

Yang berusaha, saudari Pengerusi Majlis,

Yang Berbahagia Prof Dr Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Yang Berbahagia Prof Dr Ismail Daut, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi);

Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Salleh Abd Rashid, Dekan Pusat Teknologi Komunikasi dan Pembangunan Insan,

Pegawai-pegawai Utama Universiti, Penolong-penolong Naib Canselor,

Dekan-Dekan dan Ketua Jabatan,

Wakil-wakil media,

Staf-staf Pusat Teknologi Komunikasi dan Pembangunan Insan serta tuan /puan yang saya hormati sekalian,

**Langit terbentang di jagat raya,  
Merantau benua beribu laksa,  
Kalam tersimpul menyulam bicara,  
Seribu kesyukuran di hari raya.**

1. Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada seluruh warga Pusat Teknologi Komunikasi dan Pembangunan Insan, serta para hadirin yang hadir pada majlis ini. Saya berasa sungguh gembira kerana pada petang ini kita dapat bersama-sama meraikan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri dengan penuh rasa muhibah dalam suasana mesra dan terbuka.

2. Kita panjatkan kesyukuran kepada Allah S.W.T atas kurniaan-Nya dapat kita berkumpul bersama-sama bagi memeriahkan MAJLIS SAMBUTAN AIDILFITRI PTKPI 2011. Sekalung tahniah dan penghargaan saya ucapkan buat seluruh tenaga kerja PTKPI terutamanya Prof. Madya Dr. Salleh Abdul Rashid, seharung daya bagi memastikan majlis sambutan Aidilfitri ini berlangsung dengan jaya dan meriah.

3. Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri masih berbahang sehingga ke penghujung Syawal sebagai lambang dan simbol yang menterjemahkan budaya Melayu dalam konteks mengeratkan hubungan silaturrahim yang sedia terjalin. Detik ini menjadi harapan saya agar majlis pada petang ini akan memberi peluang kepada semua warga PTKPI

khususnya dan segenap warga UniMAP umumnya untuk merapatkan silaturrahim sambil menikmati juadah yang terhidang. Secara tidak langsung, ini dapat mewujudkan semangat kekeluargaan dan mengukuhkan perpaduan sesama kita dalam pelbagai integrasi akademik dan luar bidang akademik. Kesempatan ini juga memberi ruang kepada kita untuk saling bermaafan di samping mengukuhkan lagi hubungan yang sedia terjalin.

4. Semangat kekitaan dalam sesebuah organisasi diterjemahkan dalam konsep sebuah keluarga besar dengan penuh kemeriahan. Walaupun semangat kekeluargaan di tempat kerja tidak sekukuh pertalian keluarga sendiri, semangat ini perlu diterapkan dalam diri kita bahawa peri pentingnya menentukan keharmonian sesebuah organisasi dan seterusnya negara. Sebagai sebuah organisasi yang bersatu dan utuh dalam negara yang mempunyai pelbagai bangsa dan kaum, kita seharusnya mengamalkan sikap muafakat dan bekerjasama ke arah pembangunan negara khususnya dalam lapangan ikhtisas yang seterusnya membawa kepada kebaikan bersama. Bak kata pepatah 'BULAT AIR KERANA PEMBENTUNG, BULAT KATA KERANA MUAFAKAT.'

5. Di kesempatan ini juga, Saya berbesar hati menguar-uarkan penyerahan Geran Khas Penyelidikan Dato' Naib Canselor berjumlah RM 100,000.00 kepada para penyelidik PTKPI yang bersemangat waja dan berpotensi dalam menjalankan pelbagai penyelidikan serta meneruskan perjuangan dalam medan pendidikan bagi terus mengangkat martabat universiti yang kita sanjungi ini.

6. Semoga dengan usaha ini, sedikit sebanyak dapat memeriahkan dunia akademik serta dapat memberi sokongan dan memutik semangat kepada para cendekiawan lain untuk menjunjung martabat keilmuan. Diharapkan anugerah ini dapat menjadi penanda aras kecemerlangan PTKPI.

7. Saya juga dimaklumkan bahawa hari ini turut diadakan penyerahan 15 komputer riba kepada staf PTKPI yang berkhidmat mencurahkan bakti dalam persada keilmuan ini. Penggunaan komputer yang meluas amat penting untuk memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran serta kecekapan dan keselesaan dalam melaksanakan pengurusan yang lebih lancar.

8. Akhir kalam, Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih serta syabas kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan MAJLIS SAMBUTAN AIDILFITRI PTKPI peringkat pusat pengajian ini.

9. Sekali lagi Saya ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, maaf zahir dan batin kepada seluruh warga PTKPI, warga UniMAP juga para hadirin yang hadir.

**Tetak buluh panjang suluh,  
Mari jolok sarang penyengat,  
Hulur salam jari sepuluh,  
Salam dihulur penuh berkat.**

Sekian,

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.